



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, **menafikan** dakwaan bahawa wabak COVID-19 telah tersebar di Pekan Juasseh melalui seorang individu positif COVID-19 yang telah berkunjung ke merata tempat di pekan tersebut. Beliau **menjelaskan** pejabat kesihatan daerah telah membuat saringan ke atas kontak rapat pesakit berkenaan dan setakat ini tiada pengesahan bahawa pesakit yang sedang dirawat di Hospital Tuanku Jaafar itu merupakan pembawa virus dari Shah Alam.
2. Pengetua Pondok Tahfiz As Sharif Seri Jaya, Batu Gajah, Perak **menafikan** dakwaan bahawa seorang pelajar tahfizya telah dijangkiti dan disahkan positif Covid-19 semasa berada di pusat tahfiz tersebut. Beliau **menjelaskan** bahawa pelajar yang dimaksudkan itu telah tidak menghadiri kelas pengajian di pusat tahfiz tersebut sejak bulan Februari 2020 iaitu sebelum PKP dikuatkuasakan lagi. Sehubungan itu, Ketua Polis Daerah Batu Gajah telah **mengesahkan** bahawa pusat tahfiz tersebut telah ditutup selama 3 bulan tanpa kehadiran pelajar.

**Pasukan Respons Pantas
KKMM
1 Jun 2020 | 11.00 Pagi**

